# TUANKU PRO CANSELOR BERKENAN MENGURNIAKAN 18 STAF AKADEMIK UPM ANUGERAH CEMERLANG

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari




SERDANG, 28 Julai 2022 – Tuanku Pro Canselor DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan mengurniakan anugerah kepada 18 staf akademik Universiti Putra Malaysia (UPM) dan dua orang staf bukan akademiknya yang cemerlang dalam perkhidmatan pengajaran, penyelidikan dan inovasi, perunding cemerlang, perkhidmatan profesional dan pembangunan pelajar untuk universiti dan negara.

Kesemua 20 pemenang menerima anugerah yang dikenali dengan nama Anugerah Fellowship Naib Canselor pada Majlis Gemilang Akademia Putra (MGAP) 2021 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) UPM di sini hari ini.

Anugerah yang disampaikan ialah Anugerah Fellowship Naib Canselor Kategori Pengajaran, Kategori Penyelidikan dan Inovasi, Kategori Perkhidmatan Profesional, Kategori Perunding Cemerlang, Kategori Pembangunan Pelajar dan Anugerah Khas Akademia Putra.

Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata UPM akan terus komited melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran sahsiah yang tinggi termasuk peranan dan libat sama alumni dalam kelangsungan kecemerlangan Universiti.




"UPM akan sentiasa berusaha menjadikan kampus hijau ini sebagai sebuah menara ilmu yang sesuai kepada perubahan dan perkembangan sezaman dengan warganya yang bertekad tinggi dan terus berusaha meneroka pelbagai bidang ilmu terutamanya dalam bidang pertanian.

"Semoga warga UPM dapat meneruskan komitmen jitu dalam menjalankan tanggungjawab dan menggalas amanah selari dengan hala tuju universiti yang berpandukan Pelan Strategik UPM 2021-2025," katanya.

Pada tahun ini Anugerah Khas Akademia Putra 2021 yang merupakan anugerah tertinggi keseluruhan diberikan kepada Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan Salit @ Sinon dari Fakulti Kejuruteraan.



Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan berkata beliau berasa sangat gembira dan terharu di atas penganugerahan yang diberikan oleh UPM kepadanya kerana sentiasa menyokong serta menghargai pencapaian warga akademiknya.

LIHAT JUGA



Pelajar Tahun Akhir Rekabentuk Perindustrian UPM Cipta 37 Prototaip Produk Berasaskan Perangi Covid-19 (/berita/pelajar_tahun_akhir_rekabentuk_perindustrian_upm_cipta_37_prototaip_produk_berasaskan_perangi_covid_19-68075)



TUANKU PRO CANSELOR BERKENAN MENGURNIAKAN 18 STAF AKADEMIK UPM ANUGERAH CEMERLANG (/berita/tuanku_pro_canselor_berkenan_mengurniakan_18_staf_akademik_upm_anugerah_cemerlang-67911)



Kumpulan Malinja FRSB, UPM menang Anugerah Khas Exco di Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang (/berita/kumpulan_malinja_frsb_upm_menang_anugerah_khas_exco_di_pesta_padi_antarabangsa_pulau_pinang-67869)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

WVIDJAk:09:22

